

JUDUL : DAILY EXPRESS SABAH**TARIKH : 28 OGOS 2022 (AHAD)**

Perpustakaan baru perkenal pelancongan ilmu di K'tangan

Mardinah Jikur

KINABATANGAN: Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan yang diresmikan di sini pada Sabtu, diyakini mampu memperkenalkan pelancongan ilmu di daerah ini.

Menyatakan itu, Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (Motac) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perpustakaan baharu yang lengkap dan kondusif ini merupakan mercu tanda kebanggaan di Kinabatangan, selain menjadi satu lagi bukti komitmen kerajaan dalam usaha membina "Keluarga Kinabatangan" yang berpendidikan, berbudaya nilai tinggi dan selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Beliau berkata perpustakaan dua-tingkat itu mula dibina di atas tanah seluas 2.6 hektar dengan kos RM6.86 juta pada 26 April 2018 dan siap pada September tahun lepas, sebelum mula dibuka pada 10 Februari tahun ini.

Bangunan perpustakaan ini direka dengan ciri-ciri reka bentuk tempatan berkonsepkan kayu bakau yang memberikan identiti tersendiri.

Setakat ini, jumlah keahlian yang berdaftar dengan perpustakaan itu telah mencapai 3,592 ahli.

Manakala, seramai 4,184 pelawat telah mengunjungi perpustakaan ini dari Februari sehingga Julai tahun ini.

Lebihamnya, melaini Motac, perpustakaan itu merupakan antara enam projek telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan RMK-12, dengan peruntukan berjumlah RM21.2 juta bagi Sabah.

"Matlamat kerajaan dalam pembangunan prasarana perpustakaan ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan di setiap daerah, mukim dan kampung, agar lebih ramai penduduk berpeluang menikmati bahan bacaan serta perkhidmatan perpustakaan tanpa meminggirkan pembangunan di mananya negeri termasuk di Sabah dan Sarawak."

"Saya turut percaya bahawa perpustakaan ini menjadi salah satu tempat tarikan pelancong di Kinabatangan untuk mendapatkan pelbagai maklumat," katanya dalam ucapan perasmian perpus-



SARAYA (tengah) merasmikan perpustakaan itu, disaksikan oleh Zainudin (kanan) dan hadirin. Kanan: Pandangan hadapan bangunan itu.

takaan itu, pada Sabtu.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh ketua Setiausaha Motac, Datuk Saraya Arbi.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (KSTI) Sabah, Zainudin Aman mewakili Timbalan Ketua Menteri yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Seri Bung Moktar Radin serta Menteri KSTI, Datuk Yakub Khan, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Edy Irwan Zulkafli, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah, Fatimah Abdillah dan Pegawai Daerah Kinabatangan, Abdul Manaf Abdul Ruhim.

Selain perpustakaan tersebut, tiga lagi projek pembangunan infrastruktur kerajaan itu ialah pembangunan infrastruktur pelancongan pendidikan di Pusat Pemulihara Gajah Pygmy yang telah disiapkan, pembangunan ekopelancongan di Gomantong yang sedang dilaksanakan

manakala naik taraf infrastruktur inap desa Miso Walai di peringkat reka bentuk oren jabatan Kerja Raya.

Ketika ditemui media, Saraya berkata kesemua empat projek itu melibatkan peruntukan berjumlah RM17 juta.

Sementara itu, Zainudin berkata KSTI sedang melaksanakan projek pembinaan bangunan perpustakaan baharu di Kunak dan Tenom manakala dalam perancangan membina perpustakaan di Kota Marudu.

Beliau berkata KSTI akan membangunkan sudut sains di Perpustakaan Keningau dengan kos RM3 juta selain bekerjasama dengan Petronas bagi mewujudkan sudut reka cipta dikenali sebagai 'MakerSpace' di Perpustakaan Negeri Cawangan Sandakan dan Tawau.

Beliau berharap pembinaan perpustakaan Kinabatangan akan menjadi pemangkin terhadap usaha ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berbudaya membaca.